Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/12/2019	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			



KAKI gajah yang cedera terkena jerat kabel sebelum diselamatkan tahun lalu di Lahad Datu, Sabah.



TAPIR jantan yang mati akibat terkena jerat kabel di Ladang Delima, Kuala Rompin, Pahang,



PAKU yang ditanam pada kayu diletakkan di laluan gajah.

62 JERAT 'NERAKA'

Jerangkap paku gajah dipercayai dipasang pemilik ladang tidak berhati perut

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Taktik kejam dan tidak berhati perut! Itu luahan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim terhadap penemuan puluhan jerangkap samar yang dihasilkan khusus untuk mencederakan gajah liar.

Objek digelar jerangkap paku gajah itu sengaja dihasilkan menggunakan paku besar dan berkarat bagi mencederakan gajah yang memijaknya.

Beliau berkata, kes itu dibongkar susulan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Zon Utara membabitkan 10 anggota Perhilitan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di kawasan Hutan Simpan Chebor, Padang Terap, Kedah.

"Operasi ini diadakan kelmarin bagi mengesan sebarang bentuk jenayah membabitkan pemburuan hidupan liar dilindungi.

"Bagaimanapun pada jam 1 tengah hari, pasukan operasi yang membuat pemeriksaan menemui objek mencurigakan.

"Hasil penelitian kemudian mendapati objek besi dan paku itu disyaki jerangkap paku gajah. Terdapat 62 unit jerangkap paku dipasang di kawasan itu," katanya.



"Tidak dapat dipastikan individu yang memasang perangkap ini namun saya percaya jerat ini dipasang pengusaha ladang kelapa sawit haram bagi menghalang gajah liar daripada memasuki kawasan ladang tanaman mereka"

Abdul Kadir Abu Hashim

Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/12/2019	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			

Jerat dawai bunuh tapir jantan

Kuala Lumpur: Kaki jadi reput dan membusuk kesan jerat dawai kabel yang mencederakan seekor tapir jantan seberat lebih 200 kilogram.

Malah, kecederaan parah dialami menyebabkan tapir dewasa itu akhirnya mati sebelum bangkai mamalia itu ditemui di Ladang Delima, Kuala Rompin, Pahang, kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, bangkai Malayan Tapir (Tapirus indicus) itu ditemui penyelia ladang pada jam 10 pagi dengan kesan kecederaan pada kaki kirinya.

Menurutnya, kes terbaru itu antara bukti jerat dawai atau kabel masih digunakan secara berleluasa oleh golongan pemburu haram di hutan negara ini.

"Jerat maut ini terus menjadi ancaman terbesar kepada hidupan liar di negeri ini selepas ratusan utas jerat sama dirampas hasil operasi di seluruh negara sebelum ini.

"Jerat kabel ini biasanya digunakan oleh pemburu yang memasangnya di sepanjang laluan di rizab hutan. Biasanya penggunaan jerat dawai atau jerat kabel besi ini popular dalam kalangan pemburu haram yang mencerobo hutan simpan negara ini," katanya.

Kadir berkata, jerat dawai atau kabel disifatkan amat berbahaya dan kejam kerana ia mendatangkan kecederaan serius pada hidupan liar dan seterusnya mengakibatkan kecacatan dan kematian.

"Biasanya jerat dawai atau kabel ini digunakan untuk menangkap haiwan bersaiz besar terutama harimau, rusa, kambing gurun, seladang, beruang, pelanduk dan babi hutan.

"Pihak Perhilitan sentiasa memastikan usaha memusnahkan jerat ini dilakukan di seluruh negara secara konsisten," katanya.

Menurutnya, pihak Perhilitan turut memberi fokus terhadap jerat lain seperti jerat sembat, jerat rahang cengkam, jerat cangkuk, jerat lembing, jerat senjata api dan pelbagai perangkap lain dibina pemburu haram.

"Bahaya jerat ini menyebabkan larangan keras dikenakan terhadap pemilikan atau menyimpan jerat, memasang, meletak atau menggunakan jerat bagi memburu hidupan liar.

"Mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) individu yang melakukan kesalahan itu boleh dikenakan tindakan denda RM50,000 hingga RM100,000 atau penjara antara dua hingga tiga tahun," katanya.

JERAT KURUNG DAN TANGKAP HIDUP

- Jerat Sembat
- Jerat Rahang Cengkam
- Jerat Cangkuk
- Perangkap Corong
- Perangkap Lubang
- Perangkap Jatuh
- Perangkap Kotak
- Perangkap Jaring

JERAT UNTUK MEMBUNUH

- Jerat Racun
- Jerat Jerut
- Jerat Lembing
- Bahan Letupan
- Jerat Senjata Api
- Jerat Hempap
- Kejutan Elektrik



KEADAAN kaki tapir yang cedera parah akibat terkena jerat kabel dipasang pemburu haram.

Menurutnya, semua jerangkap paku yang ditanam di kawasan Hutan Simpan Chebor itu dikutip dan dimusnahkan sebelum dibawa ke pusat operasi di Gerik untuk tindakan lanjut.

"Tidak dapat dipastikan individu yang memasang perangkap ini namun saya percaya jerat ini dipasang pengusaha ladang kelapa sawit haram bagi menghalang gajah liar daripada memasuki kawasan ladang tanaman mereka.

"Taktik ini kejam kerana boleh mencederakan tapak kaki gajah. Luka ini biasanya lambat untuk pulih dan akan merebak akibat jangkitan kuman. Ia akhirnya boleh membawa maut kepada gajah berkenaan," katanya.


Ini antara kes penganiayaan terbaru terhadap gajah selepas seekor gajah ditemui mati berhampiran Kampung Orang Asli Sedohok di Kahang, Johor pada 12 Disember lalu.

Dalam kes itu, pegawai Perhilitan menemui 20 biji nanas yang dipercayai sengaja dicampur racun untuk membunuh gajah liar itu.

Dalam kejadian berasingan 4 Jun lalu, tiga gajah ditemui mati di Kampung Sri Timur 3, Kluang, selepas dipercayai diracun pihak tidak bertanggungjawab.



JERANGKAP paku yang ditemui di dalam hutan.



ANTARA jerat kabel yang dirampas Perhilitan.